

SISTEM PERKHIDMATAN CUKAI DALAM TALIAN HASIL DI MYTAX, SEGALANYA TERSEDIA BUAT ANDA

Dashboard MyTax : Paparan Status Bayaran Cukai, Borang E-Filing Dan Sekatan Perjalanan
Status MyTax : Paparan Penyata PCB, Lejar, Bayaran Balik Dan Borang Nyata

Perkhidmatan ezHasil :

- e-Filing (Penghantaran Borang Cukai)
- ByrHASIL (Pembayaran Cukai)
- e-Kemaskini (Kemas Kini Maklumat Diri)
- e-Sekatan Perjalanan (Semakan Sekatan Perjalanan)

LAYARI :

<https://mytax.hasil.gov.my>

RASAI PENGALAMAN PERCUKAIAN YANG MUDAH DAN SELAMAT

PELEPASAN CUKAI BAHARU TT 2023

Terdapat 21 jenis pelepasan cukai yang boleh dituntut oleh pembayar cukai bagi Tahun Taksiran (TT) 2023, termasuk dengan beberapa pelepasan cukai baharu yang diperkenalkan iaitu :

- i) Perbelanjaan (**terhad RM4,000**) ke atas anak berumur 18 tahun dan ke bawah bagi :
 - a) Penilaian untuk tujuan diagnosis kurang upaya pembelajaran, atau
 - b) Program intervensi awal atau rawatan pemulihan kurang upaya pembelajaran, dan
- ii) Insurans nyawa dan caruman KWSP, yang turut membenarkan :
 - a) Bayaran premium insurans nyawa atau sumbangan takaful atau caruman sukarela tambahan kepada KWSP (**terhad RM3,000**), dan
 - b) Caruman kepada skim yang diluluskan atau caruman sukarela kepada KWSP (TIDAK termasuk skim persaraan swasta) atau caruman di bawah mana-mana undang-undang bertulis (**terhad RM4,000**).

Senarai pelepasan penuh boleh dilihat dalam borang cukai anda di MyTax melalui pautan <https://mytax.hasil.gov.my>.

PERBEZAAN PELEPASAN, REBAT DAN TUNTUTAN INSENTIF CUKAI INDIVIDU

Dalam pengisian borang cukai, ruangan pelepasan sering menjadi perhatian kerana perbelanjaan ke atas beberapa perkara adalah dibenarkan bagi mengurangkan jumlah pendapatan bercukai, seterusnya menjurus kepada amaun cukai yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, rebat dan tuntutan insentif juga boleh diperoleh sekiranya berkecualan.

Berikut adalah perbezaan antara pelepasan, rebat dan tuntutan insentif cukai bagi seseorang individu :

i) Pelepasan Cukai :

Perbelanjaan tertentu ke atas diri sendiri (dan turut meliputi pasangan dan anak sekiranya berkaitan) yang dibenarkan tolakannya dalam pelaporan pendapatan dan perlu disokong dengan dokumen, penyata atau resit perbelanjaan bagi tujuan pembuktian jika dimohon;

ii) Rebate Cukai :

Pengurangan yang diberikan selepas pengiraan cukai. Rebate cukai yang diberikan kepada pembayar cukai yang berkenaan adalah :

- a) Individu yang mempunyai pendapatan bercukai kurang daripada **RM35,000**,
- b) Bayaran zakat/fitrah, dan
- c) Levi pelepasan bagi perjalanan umrah/perjalanan tujuan bagi keagamaan agama lain (terhad kepada 2 kali perjalanan);

iii) Tuntutan Insentif Cukai :

Pengecualian yang diberikan oleh Menteri Kewangan kepada pembayar cukai tertentu. Dua (2) tuntutan insentif yang dibenarkan kepada pembayar cukai individu ialah :

- a) Tuntutan insentif di bawah perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967, iaitu pengecualian kepada mana-mana kelas orang daripada mematuhi mana-mana peruntukan ACP 1967 secara umum atau berkenaan mana-mana pendapatan; dan
- b) Tuntutan insentif di bawah subseksyen 127(3A) ACP 1967, iaitu pengecualian kepada mana-mana orang tertentu daripada mematuhi mana-mana peruntukan ACP 1967 secara umum atau berkenaan mana-mana pendapatan. Surat Kelulusan Menteri, pengiraan insentif dan dokumen sokongan hendaklah disimpan untuk rujukan dan semakan HASiL sekiranya diperlukan kelak.

PROFILING INFORMATION SYSTEM (PINS)

Bermula 1 Januari 2024, *Profiling Information System (PINS)* menggantikan Sistem Maklumat Unit Pengesanan (e-SMUP) yang telah ditamatkan penggunaannya pada 31 Disember 2023.

PINS merupakan sistem yang dibina untuk agensi mengemukakan maklumat yang diminta oleh HASiL melalui permohonan Surat Q kepada agensi. Program pengesanan dan pematuhan yang dijalankan ini adalah selaras dengan Seksyen 81, Akta Cukai Pendapatan, 1967 yang memperuntukkan kuasa kepada HASiL untuk meminta maklumat. Inisiatif ini juga adalah untuk menyokong aktiviti penguatkuasaan dan pematuhan yang dijalankan oleh HASiL yang akan digunakan bagi tujuan pembesaran asas cukai.

Maklumat lanjut berhubung PINS boleh dilihat melalui pautan <https://pins.hasil.gov.my/laman-utama/log-masuk>.

INFO PKPS 2.0 : PENDAPATAN DIPEROLEH DARI MALAYSIA DAN DISIMPAN DI LUAR NEGARA

Pendapatan yang diperoleh atau terbit dari Malaysia walaupun disimpan dalam akaun bank di luar negara adalah tertakluk kepada cukai pendapatan di Malaysia.

Pembayar cukai adalah bertanggungjawab untuk melaporkan pendapatan ini dan layak menyertai Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) 2.0 sekiranya pendapatan tersebut tidak dilaporkan dan dibayar cukai di Malaysia. Pembayar cukai perlu melaporkan pendapatan tersebut berdasarkan tahun taksiran ia diperoleh dan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

Maklumat lanjut berhubung PKPS 2.0 boleh diperoleh daripada Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my di bawah menu Pautan Popular.

WASPADA DENGAN SCAMMER :

HASiL TIDAK MEMBUAT PANGGILAN MELALUI TELEFON BIMBIT ATAU MENYAMBUNGAN PANGGILAN KE AGENSI LAIN SEPERTI PDRM, MAHKAMAH DAN LAIN-LAIN.

BERHATI-HATI DAN JANGAN TERPEDAYA.

INISIATIF NASIONAL e-INVOIS

e-Invois diperkenalkan bertujuan untuk memperkemas dan menaik taraf sistem percukaian negara, menggalakkan ketelusan dalam pelaporan pendapatan serta meningkatkan kadar pematuhan cukai. Ia juga dilihat dapat menangani masalah ketirisan hasil negara kesan daripada urus niaga yang tidak dilaporkan dan dimanipulasi.

MANFAAT e-INVOIS



Mengurangkan proses manual dan kesilapan

Pemprosesan invois bersepadu melalui penyediaan dan pengemukaan dokumen transaksi & data secara elektronik



Memudahkan pengemukaan borang nyata

Pelaporan percukaian yang cekap dan tepat melalui integrasi sistem yang lancar



Meningkatkan kecekapan operasi

Pemeriksaan kecekapan pengoperasian serta menjimatkan masa dan kos



Mendigitalkan pelaporan percukaian dan kewangan

Penyelarasan proses digitalisasi dan pelaporan kewangan berdasarkan piawaian industri

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI e-INVOIS

- 1) Rujuk laman mikro e-Invois di Portal Rasmi HASiL : www.hasil.gov.my,
- 2) Rujuk Garis Panduan e-Invois dan Soalan Lazim, atau
- 3) Kemukakan e-mel kepada myinvois@hasil.gov.my untuk sebarang pertanyaan dan maklum balas

Penggunaan Secara Mandatori

e-PERKHIDMATAN

Melalui Portal Mytax : <https://mytax.hasil.gov.my>

Mulai 1 Januari 2024